



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JUNE 2016

# PRK tolak Deklarasi Rakyat Mahathir

BH - 19/6/2016



**Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
Pengarang Eksekutif  
Berita/Rencana/Digital  
madzaini@bh.com.my

Pembangkok yang sepatutnya membuat kejutan. Namun, ia berlaku sebaliknya apabila Barisan Nasional (BN) yang pada awalnya diramal bakal menghadapi kesukaran, menang penuh bergaya. Bukan itu sahaja. Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar yang dikatakan pertarungan antara Datuk Seri Najib Razak dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, telah dimenangi oleh Perdana Menteri walaupun menerima kritikan hebat oleh bekas Perdana Menteri, selain dibayangi pelbagai isu, khususnya 1MDB dan dana derma RM2.6 bilion. Keputusan malam tadi juga satu tamparan terhadap Dr Mahathir yang sebelum ini menganggap PRK ini adalah referendum rakyat menolak kepemimpinan Najib. Ia bertukar menjadi referendum pengundi Kuala Kangsar dan Sungai Besar untuk menolak Deklarasi Rakyat Dr Mahathir. Dua kali Dr Mahathir turun ke Sungai Besar dan Kuala Kangsar bersama pemimpin pembangkang serta beberapa bekas pemimpin UMNO dalam cubaannya memujuk pengundi menyokong Deklarasi Rakyat untuk menjatuhkan Najib. Pengundi juga menolak pembangkang, bukan sahaja dua parti bertanding itu, malah PKR dan DAP yang bergabung dengan parti serpihan PAS itu atas nama Pakatan Harapan. Kecuali PAS, semua parti itu menyerang hebat BN sepanjang dua minggu berkempen dengan menurunkan pemimpin utama mereka seperti Lim Kit Siang, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Dua hari se-

belum pengundian, ramai yang meramalkan jika berjaya pun BN hanya mampu menang tipis, tetapi hakikatnya ia masih diterima oleh majoriti pengundi apabila undi diperoleh melebihi gabungan undi parti lawan, calon Bebas dan undi rosak. Di Kuala Kangsar, BN mencatatkan lebihan 1,793 undi apabila mendapat 12,653 undi, berbanding 10,860 undi gabungan pembangkang, calon Bebas dan undi rosak. Selain undi popular yang memihak kepada BN, majoriti besar dimenangi Budiman Mohd Zohdi dan Datin Mastura Mohd Yazid menunjukkan sokongan kukuh kepada Najib. Begitu juga di Sungai Besar apabila BN meraih lebihan 1,910 undi selepas memperoleh 16,800 undi, berbanding 14,890 gabungan undi pembangkang dan undi rosak. Pembangkang juga pasti tertanya-tanya apa jadi dengan pengundi Cina. Selain BN menambah undi di Sekinchan, pembangkang kehilangan 20 peratus pengundi Cina di Kuala Kangsar apabila hanya mencatatkan 60 peratus sokongan pada kali ini. Adakah ini menjadi petunjuk bahawa pengundi Cina kembali kepada BN? Ia hanya akan dibuktikan pada PRU akan datang. Yang pasti ia isyarat negatif untuk pembangkang khususnya DAP dan petanda positif kepada BN, khususnya MCA dan GERAKAN. Apa pula yang terjadi kepada PAS dan parti serpihannya. Kedua-duanya gagal meraih simpati pengundi Kuala Kangsar selepas berpecah. Perpecahan dalam parti Islam itu merumitkan lagi pembangkang dan memberi kelebihan kepada BN pada PRU akan datang.